



TEKS UCAPAN
DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

MALAM PENGHARGAAN MEDIA KEMENTERIAN
KERJA RAYA DAN ANUGERAH MEDIA
PEMBINAAN CIDB 2023

4 DISEMBER 2023 – ISNIN
DEWAN TUN HUSSEIN ONN, LEVEL 2,
WTC KUALA LUMPUR
KUALA LUMPUR
8.00 MALAM

PENDAHULUAN

Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani

1. Syukur kepada Tuhan kerana kita dapat bersama pada hari ini di Majlis Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya dan Anugerah Media Pembinaan CIDB 2023. Objektif penganjuran majlis ini adalah sebagai tanda apresiasi terhadap sokongan kepada rakan media yang telah banyak membuat liputan publisiti, hebahan dan promosi kepada KKR dan juga agensi – agensi di bawah KKR.
2. Sebagai pengamal media, sudah pasti cabaran masa kini memerlukan komitmen dan perhatian yang padu dalam setiap tugas yang dilaksanakan. Justeru itu, saya berasa amat terharu walaupun dalam kesibukan tugas harian, Tuan/Puan sudi untuk meluangkan masa hadir ke majlis ini. Terima kasih atas sokongan yang diberikan.

PERANAN MEDIA KEPADA KKR

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Media massa merupakan kaedah komunikasi yang memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran rakyat terhadap naratif pembangunan negara. Media memainkan peranan yang besar dalam memudahkan kefahaman rakyat terhadap topik-topik kritikal seperti kemajuan teknologi dan ekonomi termasuklah isu-isu berkaitan sektor pembinaan negara.

4. Saya sentiasa memandang rakan media sebagai rakan strategik jangka panjang. Peranan media adalah amat penting dalam penyebaran maklumat mengenai pembangunan dan halatuju infrastruktur negara kepada rakyat.
5. Kementerian Kerja Raya bersama 6 agensi di bawahnya telah menggembleng kepakaran dan tenaga untuk memastikan pembangunan dari segi teknologi, inovasi dan modal insan diangkat sebagai keutamaan kepada agenda pembangunan KKR demi ke arah kesejahteraan rakyat.

SETAHUN PENCAPAIAN MALAYSIA MADANI KKR

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

6. Saya telah memegang portfolio Menteri Kerja Raya selama setahun bermula 3 Disember 2022 bersama Timbalan Menteri saya Dato' Sri Abdul Rahman bin Mohamad. Sejak kami diumumkan menjadi peneraju Kementerian ini, kami berusaha untuk meneruskan dasar Kementerian yang terbukti berkesan di samping menambah baik dasar yang boleh membawa manfaat kepada rakyat dan negara.
7. Pada kesempatan ini juga saya ingin menyampaikan ucapan jutaan terima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi KKR terutama Ketua Setiausaha KKR, Timbalan Ketua Setiausaha Sektor Dasar dan Pembangunan, Timbalan Ketua Setiausaha Sektor Pengurusan dan juga barisan Ketua-Ketua Agensi dan pegawai-pegawai kanan Kementerian serta seluruh warga KKR dan agensi yang telah memberikan komitmen padu dalam menjayakan

segala bentuk inisiatif pembangunan yang telah dirancang sepanjang tahun ini.

Tuan/Puan yang saya hormati sekalian,

8. KKR tidak mahu ketinggalan dalam ekosistem digitalisasi negara. Dalam usaha merencanakan digitalisasi sektor pembinaan, KKR menerusi JKR telah mensasarkan 50% daripada projek bernilai RM10 juta ke atas untuk dilaksanakan melalui kaedah teknologi Building Information Modelling atau BIM. Selain itu, teknologi BIM dan IBS (Industrial Building System) juga turut diperluaskan bagi projek perumahan awam dan swasta yang melibatkan projek perbandaran Baharu (New Township Project).
9. KKR juga amat komited dalam melaksanakan inovasi berimpak tinggi yang diiktiraf di peringkat Kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Untuk makluman semua, inovasi teknologi iSupervision dari JKR telah memenangi anugerah di peringkat antarabangsa. Sistem ini telah diguna pakai di empat (4) projek hospital dengan keberhasilan pengawasan secara IoT yang lebih cekap, tanpa kaedah manual.
10. Selain itu, kaedah Tongue and Groove Shaped Concrete Drain (JKR) yang merupakan inovasi bagi kerja-kerja pemasangan longkang lebih berkualiti dan efektif telah diguna pakai di 35 projek JKR terutama di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Pemerhatian turut diberikan untuk pemasangan Smart Traffic Light yang dilengkapi dengan kamera pintar (Artificial Intelligence) di

persimpangan jalan yang terpilih di seluruh negara terutamanya di kawasan tumpuan orang ramai.

11. Sebagai peneraju sektor pembinaan dan pembangunan infrastruktur negara, isu penyenggaraan jalan adalah menjadi dasar keutamaan yang amat saya tekankan. Pada Ogos yang lalu, Kempen MyJalan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Anwar Bin Ibrahim di Gerik, Perak. Kempen ini adalah berteraskan prinsip “No Wrong Door Policy” dan “Action Speaks Louder Than Words”.
12. Menerusi aplikasi MyJalan yang telah dilancarkan sewaktu kempen tersebut, sehingga 24 November yang lalu, KKR telah menerima sebanyak 4935 jumlah aduan dan dari jumlah tersebut sebanyak 1326 adalah aduan berkenaan jalan seliaan KKR dan selebihnya sebanyak 3609 adalah di bawah tanggungjawab pihak berwajib yang lain.
13. Menerusi Belanjawan 2024, KKR bakal menerima peruntukan sebanyak RM2.8 bilion disediakan untuk menyelenggara jalan raya dan jambatan di laluan Jalan Persekutuan selari hasrat KKR untuk terus memperkasakan Kempen MYJalan KKR.
14. Pembangunan industri lebuhraya juga diberikan perhatian utama. Pada 29 September 2023, Sistem Kutipan Tol Secara Pembayaran Terbuka (SPT) telah dilancarkan secara rasmi. Sebelas (11) syarikat konsesi lebuhraya telah membuka lorong SPT kepada pengguna kenderaan kelas 1 (kenderaan persendirian) iaitu:

- i. Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)
 - ii. Lebuhraya Baru Pantai (NPE)
 - iii. Lebuhraya Bertingkat Ampang – Kuala Lumpur (AKLEH)
 - iv. Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE)
 - v. Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP)
 - vi. Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT)
 - vii. Lebuhraya Shah Alam (KESAS)
 - viii. Sistem Pengurusan Air Banjir dan Terowong (SMART)
 - ix. Lebuhraya Kuala Lumpur – Putrajaya (MEX)
 - x. Lebuhraya Duta – Ulu Kelang (DUKE)
 - xi. Lebuhraya Kulim – Butterworth (BKE).
15. KKR dengan kerjasama Syarikat konsesi lebuhraya juga telah merancang untuk membina dan menambah baik 119 buah “motorcycle shelter” dengan 40 daripadanya akan disiapkan pada tahun 2023 dan baki 79 buah lagi pada tahun 2024.

ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN CIDB

Rakan media dan hadirin yang saya hormati,

16. Pada tahun ini Anugerah Media Pembinaan (AMP) CIDB kembali dianjurkan semula menerusi empat kategori pertandingan iaitu:
- a. Anugerah Media Cetak dan Portal Berita (Berita dan Rencana)

- b. Anugerah Media Penyiaran TV dan Video Dalam Talian (Berita dan Dokumentari)
- c. Anugerah Fotografi
- d. Anugerah Infografik (kategori baharu)

17. Anugerah Media Pembinaan (AMP) tahun ini merupakan kali ke enam anjuran CIDB bersama KKR untuk memberi penghargaan kepada pengamal media yang telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran mengenai inisiatif-inisiatif Kerajaan Malaysia dalam industri pembinaan.

18. Bagi setiap kategori yang dipertandingkan, pemenang akan menerima sijil penyertaan dan wang tunai termasuk trofi.

- RM5000 diberikan kepada pemenang tempat pertama
- RM3000 bagi pemenang tempat kedua
- RM2000 bagi pemenang tempat ketiga dan
- RM1000 untuk saguhati

19. Pada tahun ini CIDB telah menerima sebanyak 176 penyertaan bagi semua kategori yang dipertandingkan semenjak tarikh penyertaan dibuka pada Ogos lalu. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan media yang telah menyertai pertandingan ini dan juga tahniah kepada semua pemenang. Pertandingan ini akan diteruskan pada tahun hadapan. Justeru itu, saya mengalu-alukan penyertaan rakan media dalam pertandingan ini.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

20. Saya amat berharap majlis ini dilihat sebagai medium untuk mengeratkan hubungan antara kita semua supaya kita dapat saling kenal mengenali, bertukar–tukar fikiran dan juga mengembangkan idea bagi mengenal pasti pendekatan yang lebih berkesan dalam usaha KKR berhadapan dengan cabaran pada masa kini.

21. Saya melihat pengukuhan peranan dan sumbangan rakan media berkaitan isu berkaitan pembangunan infrastruktur negara adalah amat penting kerana media adalah medium penyambung suara antara Kerajaan dan rakyat.

22. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak urusetia Majlis Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya dan Anugerah Media Pembinaan CIDB 2023 kerana telah berjaya menganjurkan program ini dengan baik sekali.

23. Tidak lupa juga kepada semua rakan media yang hadir, terima kasih sekali lagi saya ucapkan. Selamat menjamu selera dan selamat bersantai bersama kami.

Sekian, terima kasih.